

# UMS jadi universiti pertama tubuh C4D

DE 17.5.2019 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi universiti pertama di Malaysia menubuhkan Unit Penyelidikan Komunikasi Pembangunan UMS-Unicef (C4D) dan merupakan universiti kedua dalam kalangan negara Asean selepas Dhurakij Pundit University Bangkok, Thailand.

Penubuhan unit itu adalah hasil perjanjian kerjasama antara UMS dan United Nations Children's Fund (Unicef) ditandatangani Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin bersama Timbalan Wakil Unicef di Malaysia, Rodaslaw Rzehak di Pejabat Naib Canselor, di sini, Rabu lalu.

C4D adalah satu penggunaan pendekatan komunikasi dalam menyokong projek pembangunan sosial termasuk pertanian, pendidikan, kesihatan dan pembasmian kemiskinan.

D Kamarudin dalam kenyataan pada Khamis berkata melalui perjanjian itu, UMS akan menyediakan ruang operasi dan sumber manusia terdiri daripada ahli akademik, manakala Unicef menyediakan dana permulaan serta kepakaran sedia ada.

"C4D ditubuhkan antara lain bertujuan menjalankan penyelidikan tindakan tentang isu berkaitan wanita dan kanak-kanak bagi mewujudkan kerangka tindakan sesuai, menyediakan khidmat perundingan dan latihan serta mewujudkan jaringan kerjasama dalam penyediaan sokongan teknikal. - Bernama